MyGovUC 2.0

**ROSMIATI BINTI AHMAD (JTM-HQ) <rosmiati@mohr.gov.my>**

## HEBAHAN GOTONG-ROYONG DI IBU PEJABAT JABATAN TENAGA MANUSIA

1 message

**SYSTEMADMIN JTM (MOHR)** <sysadmin.jtm@mohr.gov.my> — 3 August 2022 at 08:30
To: KSM-J JTM HQ <jtmgp@mohr.gov.my>

S Reply Forward

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**HEBAHAN GOTONG-ROYONG DI IBU PEJABAT JABATAN TENAGA MANUSIA**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Manusia (JTM) akan mengadakan aktiviti gotong-royong **setiap hari Jumaat** selama **30 minit** bagi mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif dan selamat. Sehubungan itu, YBrs. Dr./Tuan/Puan, adalah dimohon untuk turut serta melaksanakan aktiviti gotong-royong EKSA bermula di Kubikel Kerja masing-masing dan seterusnya Zon EKSA masing-masing. Untuk makluman YBrs. Dr./Tuan/Puan juga dipohon mengambil perhatian serta mengambil Langkah Pencegahan Covid-19 di tempat kerja seperti sentiasa memakai Pelitup Muka, menggunakan *Hand Sanitiser dengan betul*, membasuh tangan dan mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter.




3. Kerjasama dan sokongan YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara"***

Saya yang menjalankan amanah,

**JAWATANKUASA PROMOSI**
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

**Peringatan**
Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.